



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Galakan Pelaburan (Pindaan) 1978
DR.28/1978

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1968.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1978 dan ia hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai satu dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 (disebut dalam Akta ini sebagai "Akta ibu").

Tajuk ringkas, tafsiran dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1980 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. Akta Galakan Pelaburan 1968 adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IIIB Bahagian yang berikut—

Bahagian IIIC baru. Akta 199.

BAHAGIAN IIIC

GALAKAN KHAS BAGI PERUSAHAAN PERTANIAN YANG DILULUSKAN

Perusahaan pertanian yang diluluskan ditetapkan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. 30N. (1) Menteri boleh, dengan persetujuan Menteri Kewangan, menetapkan melalui pemberitahu dalam *Warta* mana-mana perusahaan pertanian sebagai perusahaan pertanian yang diluluskan dan, apabila sahaja ia berbuat demikian, Bahagian ini hendaklah dipakai bagi perusahaan itu.

(2) Menteri boleh, dengan persetujuan Menteri Kewangan, dari semasa ke semasa meminda, mengubahsuai atau membatalkan mana-mana pemberitahu yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1).

Menteri meluluskan projek selepas menimbang-bangkan representasi yang dibuat dan kelulusan boleh tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat.

30P. (1) Pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Bahagian ini, seseorang boleh membuat representasi kepada Menteri bahawa suatu syarikat sedang mengendalikan suatu projek dalam perusahan pertanian yang diluluskan dan bahawa kelulusan adalah diminta mengenai projek tersebut.

(2) Menteri boleh, apabila menerima sesuatu representasi yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1), meminta apa-apa butir lanjut yang difikirkannya perlu.

(3) Menteri boleh, selepas menimbang-bangkan representasi yang dibuat di bawah seksyen-kecil (2), memberi suatu kelulusan bagi maksud seksyen 30Q mengikut kehendak-kehendak permohonan itu dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana dinyatakan dalam kelulusan itu yang difikirkan patut oleh Menteri dikenakan :

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan di bawah seksyen ini boleh diberi oleh Menteri melainkan had-had dan syarat-syarat kelulusan itu telah mendapat persetujuan bertulis dari Menteri Kewangan.

(4) Menteri boleh mengubah apa-apa syarat yang dikenakan di bawah seksyen-kecil (3) tetapi tidak boleh berbuat demikian tanpa persetujuan bertulis dari Menteri Kewangan.

Hal-keadaan dalam mana syarikat layak mendapat kredit cukai pelaburan.

30Q. (1) Jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu syarikat yang kelulusan telah diberi mengenai projeknya di bawah seksyen 30P (3) telah melakukan perbelanjaan modal bagi maksud-maksud projek itu maka hendaklah diberi kepada syarikat itu bagi tahun taksiran tersebut suatu kredit cukai pelaburan sebanyak lima puluh peratus dari perbelanjaan tersebut.

(2) Kredit yang diberi di bawah seksyen-kecil (1) bagi perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan sesuatu projek itu—

(a) hendaklah, tertakluk kepada seksyen-kecil (4), diberi hanya bagi tahun taksiran dalam tahun asas yang baginya perbelanjaan tersebut telah dilakukan; dan

(b) tidak boleh diberi mengenai perbelanjaan yang telah dilakukan lebih daripada lima tahun selepas permulaan tahun asas dalam mana projek yang berkenaan itu telah diluluskan bagi maksud-maksud seksyen ini.

(3) Jika suatu kredit diberi kepada suatu syarikat di bawah seksyen-kecil (1) bagi suatu tahun taksiran, pendapatan larasan syarikat itu bagi tempoh asas bagi tahun tersebut sebanyak mana yang sama dengan amaun kredit itu atau dengan jumlah amaun kredit-kredit itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikecualikan dari cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran tersebut.

(4) Jika, oleh kerana tidak cukupnya atau tidak adanya pendapatan larasan sesuatu syarikat dari sesuatu perniagaan syarikat itu bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, kredit atau kredit-kredit yang berhak didapati oleh syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun tersebut tidak boleh diberi atau tidak boleh diberi sepenuhnya berhubung dengan punca yang terdiri dari perniagaan tersebut, maka, walau apapun peruntukan seksyen-seksyen-kecil (1) hingga (3), kredit atau kredit-kredit yang berkenaan itu sebanyak mana yang tidak boleh diberi bagi tahun tersebut hendaklah disifatkan sebagai suatu kredit yang akan diberi kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya bagi tempoh asas yang ada pendapatan larasan baginya dari perniagaan tersebut, dan demikianlah seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima kesemua kredit atau kredit-kredit yang ia berhak mendapat itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan dari cukai menurut seksyen-kecil (3), seksyen 22

hendaklah dipakai bagi pendapatan tersebut (dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu) sebagaimana seksyen itu dipakai di mana apa-apa pendapatan dikecualikan di bawah seksyen 21.

(6) Bagi maksud-maksud seksyen ini, “perbelanjaan modal” ertinya perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan—

(a) membersihkan tanah;

(b) menanam tanaman;

(c) mengadakan loji, jentera atau lain-lain kelengkapan;

(d) (i) membina atau membeli kolam-kolam ikan, rumah-rumah binatang, sangkar dan jalan, yang digunakan bagi maksud-maksud ladang ternakan, perusahaan ikan darat atau lain-lain usaha pertanian;

(ii) membina atau membeli bangunan-bangunan (termasuk bangunan-bangunan yang diperuntukkan bagi kebajikan orang atau sebagai tempat orang tinggal) dan lain-lain pembaikan struktur di atas tanah, yang digunakan bagi maksud-maksud ladang ternakan, perusahaan ikan darat atau lain-lain usaha pertanian:

Dengan syarat bahawa bangunan-bangunan dan lain-lain pembaikan struktur itu adalah di atas tanah yang menjadi sebahagian dari tanah yang digunakan bagi maksud-maksud ladang ternakan, perusahaan ikan darat atau lain-lain usaha pertanian itu.

Menteri
Kewangan
boleh
membuat
kaedah-
kaedah.

30R. (1) Menteri Kewangan boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan potongan-potongan berkenaan dengan bayaran-bayaran dan perbelanjaan yang dilakukan bagi memajukan perusahaan-perusahaan pertanian yang diluluskan.

(2) Seksyen-seksyen 149 dan 154 (2) Akta ibu hendaklah dipakai bagi apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini.

Bahagian ini tidak dipakai bagi syarikat yang layak mendapat elaun ladang menurut Jadual 3 kepada Akta ibu.

30S. Bahagian ini tidak dipakai bagi syarikat yang layak mendapat elaun ladang menurut Jadual 3 kepada Akta ibu.

Tafsiran. 30T. Dalam Bahagian ini—

22/67. “Persatuan Peladang Kawasan”, “Persatuan Peladang Persekutuan” dan “Persatuan Peladang Negeri” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Akta Persatuan Peladang 1967;

Akta 44. “Persatuan Nelayan Kawasan”, “Persatuan Nelayan Persekutuan” dan “Persatuan Nelayan Negeri” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971;

P.T.M. 33/48. “pertubuhan berdaftar” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Ordinan Koperasi 1948 Persekutuan Tanah Melayu, Ordinan Koperasi 1958 Sabah dan Ordinan Koperasi Sarawak, mengikut mana yang berkenaan;
Sabah 3/58.
Swk. Bab 66.

“perusahaan pertanian yang diluluskan” ertinya perusahaan pertanian yang ditetapkan sebagai demikian di bawah seksyen 30N (1);

“syarikat” termasuklah syarikat kerjasama berasaskan pertanian, Persatuan Peladang Kawasan, Persatuan Peladang Persekutuan, Persatuan Peladang Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Persekutuan, Persatuan Nelayan Negeri dan pertubuhan berdaftar;

Akta 109. “syarikat kerjasama berasaskan pertanian” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Galakan Pelaburan 1968 untuk mengadakan galakan-galakan baru bagi perusahaan-perusahaan pertanian yang diluluskan yang ditetapkan sebagai demikian oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini memasukkan suatu Bahagian baru iaitu Bahagian IIIc ke dalam Akta itu. Bahagian IIIc mengadakan peruntukan-peruntukan baru seperti berikut—

- (a) seksyen 30N yang mengandungi peruntukan-peruntukan membolehkan Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan menetapkan perusahaan-perusahaan pertanian yang diluluskan sebagai perusahaan-perusahaan yang akan diberi galakan-galakan baru itu;
- (b) seksyen 30P yang mengandungi peruntukan-peruntukan bagi permohonan untuk mendapat kelulusan berkenaan dengan projek dalam perusahaan pertanian yang diluluskan supaya layak mendapat galakan-galakan baru itu;
- (c) seksyen 30Q yang membentangkan prinsip-prinsip berkenaan dengan pemberian galakan-galakan baru itu; dan
- (d) seksyen 30R yang membolehkan Menteri Kewangan membuat kaedah-kaedah menetapkan potongan-potongan berkenaan dengan bayaran-bayaran dan perbelanjaan yang dilakukan bagi memajukan perusahaan-perusahaan pertanian yang diluluskan.

Lain-lain pindaan adalah pindaan-pindaan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 941.]